

UNISSA, UNPAB meterai MoU



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa sesi dialog di antara UNISSA dengan Universitas Pembangunan Panca Budi (UNPAB), Medan, Indonesia (Kiri). Manakala gambar kanan, Rektor UNISSA bergambar ramai bersama rektor dan pegawai-pegawai utama ketika menerima kunjungan dari delegasi UNPAB, Medan, Indonesia.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus berusaha menjalinkan kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan bersama institusi pengajian tinggi luar negara.

Perkara tersebut terbukti dengan termenterainya penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universitas Pembangunan Panca Budi (UNPAB), Medan, Indonesia.

Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, manakala bagi pihak

UNPAB, Medan Indonesia pula ditandatangani oleh Rektor universiti berkenaan, Yang Terhormat, Dr. H. Muahammad Isa Indrawan, SE., M.M.

Hadir menyaksikan penandatanganan MoU tersebut adalah Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Awang Amman bin Haji Asmad dan pegawai-pegawai utama UNISSA.

Sebelum upacara Penandatanganan MoU, para delegasi terlebih dulu mendengar ucapan alu-aluan daripada Rektor UNISSA.

Rektor UNISSA dalam ucapan alu-aluannya menyatakan menghargai kunjungan UNPAB yang seramai 29 orang terdiri daripada rektor, pegawai-pegawai utama UNPAB dan mahasiswa Pancasarjana.

Kunjungan tersebut adalah sebagai bukti bahawa UNPAB amat komited untuk bekerjasama dengan UNISSA. Termeterainya penandatanganan MoU antara UNISSA dan UNPAB tersebut merupakan platform dalam pelaksanaan jalinan kerjasama yang dapat memperkasakan lagi bidang akademik khususnya dalam menyebarkan dakwah kepada ummah di nusantara.

Rektor UNPAB dalam ucapan balas juga mengucapkan terima

kasih kepada pihak UNISSA atas kesudian dalam memberikan sokongan untuk bekerjasama dalam mengembangkan lagi bidang pendidikan khususnya dalam pengajian Islam.

UNPAB, menurut beliau, telah ditubuhkan pada tahun 1956 dan sekarang ini memiliki tujuh fakulti dengan 13 program pengajian.

Dalam sesi dialog, pihak UNISSA dan UNPAB bersetuju untuk mengadakan jalinan kerjasama melalui seminar yang berhubungkait dengan isu Kajian Halal dan Persidangan Kewangan Islam. Di samping itu, akan mengadakan penyelidikan bersama dan pertukaran tenaga akademik dan juga pelajar.

Dalam kunjungan delegasi

tersebut, sesi Kuliah Umum antara UNISSA dan UNPAB yang diungkuhkan oleh Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) dan Pusat Pengajian Lepas Ijazah.

Antara tajuk yang dibentangkan ialah Analisis Hukum Nikah Liar Ditinjau Dari Pandangan Ulama Di Aceh Indonesia, Analisis Sanksi Pidana Narkotika Terhadap Anak Di bawah Umur Menurut Hukum Islam dan Hukum Positif Di Kota Medan Indonesia, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syaria'h, 2013 Negara Brunei Darussalam : Cabaran dan Pelaksanaannya, dan Perkembangan Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam.



MINDA

PEMBACA

Bandarku Ceria kukuhkan hubungan bermasyarakat

SALAH satu tarikan sesebuah negara yang hendak kita kunjung itu ialah ibu kotanya. Perkara ini kerana ibu kota memainkan peranan yang sangat penting dalam menarik pelancong untuk berkunjung ke sesebuah negara. Alhamdulillah, semenjak tahun 2016, Bandarku Ceria telah pun mengisi kalendar hujung minggu kita selaku rakyat Negara Brunei Darussalam.

Program Bandarku Ceria bukan sahaja

telah mencapai tujuan pelaksanaannya bahkan program ini juga mampu mengukuhkan hubungan bermasyarakat sesama orang tempatan mahupun pelancong-pelancong asing yang berkunjung ke negara kita. Semua ini dapat dibuktikan melalui kadar pengunjung Program Bandarku Ceria yang kian meningkat dari minggu ke minggu sama ada daripada pengunjung tempatan

mahupun dari luar negara.

Bukti lain yang menjadi sukat-sukat pada kejayaan program ini adalah pelbagai aktiviti yang diungkuhkan oleh pihak-pihak tertentu sama ada daripada pihak kerajaan, swasta mahupun orang-orang persendirian dalam mengisi pelbagai aktiviti setiap minggu. Semua ini adalah bukti pengukuhan hubungan bermasyarakat di setiap lapisan masyarakat yang ada di Negara Brunei Darussalam. Suasana hidup bermasyarakat dalam kalangan orang kitani ditambah lagi dengan penyertaan raja kita berserta kerabat dalam beberapa aktiviti yang diungkuhkan semasa program tersebut

dijalankan seperti aktiviti berbasikal sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34.

Usaha-usaha murni seperti program ini memang patut kita sokong dan dukung demi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara kita kerana di luar sana pelbagai anasir-anasir yang meruntuhkan kesatuan sesebuah negara sedang menyerang kita terutamanya generasi muda.

Nama : Dayangku Izzah Syakirah @ Dayangku Najwa binti Pengiran Haji Nordin
No. K/P : 01-054893

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Hujung Minggu Tanpa Beg Plastik'. Tarikh Tutup : 7 Mac 2018
2. 'Bersiap Siaga Hadapi Bencana Alam'. Tarikh Tutup : 14 Mac 2018
3. 'Belia Berperanan Realisasikan Negara Maju'. Tarikh Tutup : 21 Mac 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerimaan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerimaan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
Setiap Minggu

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang